



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perikanan (Pindaan) 1971
DR.64/1971

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi meminda Akta Perikanan, 1963.

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut :

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Perikanan (Pindaan), 1971.

Tajok
ringkas.

2. Akta Perikanan, 1963 ada-lah dengan ini di-pinda mengikut chara yang di-nyatakan dalam Jadual bersama ini.

Pindaan.
8/63.

JADUAL

Peruntukan yang di-pinda	Jenis Pindaan
1. Sekshen 2 ...	Gantikan perkataan "Yang di-Pertuan Agong" yang terdapat di-dalam-nya dengan perkataan "Menteri".
2. Sekshen 18 ...	Masokkan perkataan "or a police officer not below the rank of an Inspector" sa-lepas sahaja perkataan "A Fishery Officer" yang terdapat di-dalam-nya.
3. Sekshen 21 ...	Gantikan sekshen-kecil (2) dengan yang berikut— “(2) The Minister may by order exempt any person from the provisions of this Act and of any regulations or rules made thereunder, either absolutely or conditionally.”.
4. Sekshen 23 ...	Masokkan angka "7," sa-lepas sahaja perkataan "sections" yang terdapat dalam taarif "Fishery Officer".

HURAIAN

Rang Undang² ini ada-lah bertujuan untok meminda Akta Perikanan, 1963 bagi maksud² berikut :

- Butiran 1 dalam Jadual ... memindahkan kuasa membuat per-
atoran² kepada Menteri.
- Butiran 2 dalam Jadual ... kuasa mengkompaun kesalahan ada-
lah juga di-beri kepada mana²
pegawai polis yang berpangkat tidak
rendah daripada Inspekter.
- Butiran 3 dalam Jadual ... memberi kuasa kepada Menteri
mengechualikan mana² orang dari-
pada peruntokan² Akta dan mana²
peratoran atau perentah.
- Butiran 4 dalam Jadual ... meluaskan taarif "Fishery Officer"
untok melitupi pegawai² yang di-
lantek di-bawah sekshen 7.

[PN] (U) 188